



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I (B.3)  
PEJABAT PERUBAHAN IKLIM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**


**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (A) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I  
PEJABAT PERUBAHAN IKLIM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
JABATAN PERDANA MENTERI  
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**


1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Climate Mitigation and Adaptation* / Dasar Awam / *Data Analysis* / *Economics* / *Engineering* / *Geography* / *International Relations* / Pengurusan/ Pentadbiran Awam / Penyelidik Operasi / *Policy Analysis* / *Project Management* / *Renewable Energy* / *Science Environmental Management* / Sains Data / *Statistical Management* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

2. **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah** hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam:
  - a) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
  - b) Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
  - c) Peraturan-Peraturan Kewangan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai Unit Adaptasi dan Kedayatahan (*Adaption and Resilience Unit*);
2. Menyelaras dan memimpin perbincangan strategik Kumpulan Adaptasi dan Kedayatahan ataupun *Adaption and Resilience Working Group (ARWG)* serta pihak berkepentingan dalam merancang dan melaksanakan strategi negara berkaitan adaptasi dan kedayatahan iklim;
3. Bertindak sebagai sekretariat kepada *AWRG*, termasuk menyelaras mesyuarat, memudahcara perbincangan serta memastikan penyelarasan yang berkesan antara agensi-agensi di bawah kumpulan kerja tersebut dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif adaptasi negara;
4. Menyelaras dan memudahcara perancangan, pelaksanaan serta pemantauan projek-projek adaptasi dan kedayatahan di bawah (*ARWG*), termasuk projek-projek yang dikenalpasti di bawah *National Adaptation Plan (NAP)* dan dilaksanakan melalui peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (*RKN*), serta memastikan projek-projek tersebut diurus dan dikawal selia secara teratur dan berkesan;
5. Mengetuai penyelarasan pelaporan antarabangsa berkaitan adaptasi di bawah *United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC)* termasuk maklumat dalam dokumen *National Adaptation Plan*, maklumat adaptasi di dalam dokumen *Biennial Transparency Report (BTR)* serta laporan berkaitan yang lain;
6. Mengetuai pelaksanaan *National Climate Vulnerability Assessment (NCVA)* bagi mengenal pasti tahap kerentanan dan risiko perubahan iklim negara serta memastikan penilaian tersebut dapat digunakan untuk penggubalan dasar dan tindakan adaptasi negara;
7. Menyelia pengumpulan dan analisis data, pemantauan (*KPI*) serta penyediaan laporan kemajuan berkaitan strategi adaptasi dan daya tahan iklim daripada agensi-agensi di bawah *ARWG* termasuk membangunkan dan menyelaras indikator adaptasi peringkat negara bagi memantau kemajuan pelaksanaan tindakan adaptasi selaras dengan kerangka *Global Goal on Adaptation (GGA)* serta menyokong keperluan pelaporan dan penilaian kemajuan di bawah (*UNFCCC*); dan



8. Melaksanakan tanggungjawab kepimpinan dan penyeliaan ke atas pegawai di bawah seliaan, serta tugas-tugas strategik lain yang diarahkan oleh pihak pengurusan atasan dari semasa ke semasa.